

Polemik Perkembangan Manusia Antara Baka dengan Persekitaran Menurut Barat dan Perspektif Islam

[The Polemic of Human Development Between Nature and Nurture According to Western and Islamic Perspectives]

Nur Azwani Mansor @ Noordin¹ & Mohd Azhar Abdullah²

¹ (Corresponding Author) Pusat Pengurusan Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730 Kota Bharu, Malaysia, azwani79@yahoo.com

² Fakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730 Kota Bharu, Malaysia, dr.har68@gmail.com

ABSTRACT

This study discusses the schools of thought related to the perspectives of heredity and environment in human growth and development, drawing on both Western ideologies and Islamic perspectives. Human growth and development are influenced by two primary factors: heredity, or genetic factors (nature), and environmental or educational factors (nurture). Before the terms heredity and environment were introduced, there were already schools of thought supporting both perspectives, and this debate has existed since ancient times. However, to this day, Western scholars remain divided in their opinions and beliefs about which influence dominates human growth and development. The methodology of this study employs content analysis of data obtained from books and documents on the history of schools of thought related to heredity and environment. The data focuses on factors influencing human growth and development by examining the relevant schools of thought. The findings of the study indicate that the schools of Nativism and Naturalism support the heredity perspective, whereas the school of Empiricism supports the environmental perspective. This contradiction and diversity of beliefs have led to the emergence of a new school of thought that combines heredity and environment, known as the school of Convergence. In essence, growth and development involve several aspects, including physical, emotional, mental, linguistic, social, personality, and moral dimensions, which are influenced by both biological and environmental factors. This is because these two factors complement each other and are closely interconnected with the level of human development.

Keywords: Nature; Nurture; Growth; Development; Doctrine

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang aliran-aliran yang berkaitan dengan perspektif baka dan persekitaran dalam pertumbuhan dan perkembangan manusia berdasarkan ideologi Barat dan Perspektif Islam. Manusia tumbuh dan berkembang berdasarkan dua pengaruh dominan iaitu faktor baka atau genetik (*nature*) dan faktor persekitaran dan pendidikan (*nurture*). Sebelum istilah baka dan persekitaran diperkenalkan, telah wujud aliran-aliran yang menyokong kedua-dua perspektif ini dan percanggahan tersebut telah wujud sejak dahulu lagi. Walau bagaimanapun, sehingga kini ahli-ahli sarjana Barat masih lagi bercanggah pendapat dan kepercayaan tentang pengaruh yang mana paling mendominasi dalam pertumbuhan dan perkembangan manusia. Metodologi penulisan ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap data yang diperolehi dari buku dan dokumen tentang sejarah aliran-aliran yang berkaitan dengan baka dan persekitaran. Data yang diperolehi adalah memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan manusia dengan meneliti aliran-aliran berkaitan. Hasil kajian menunjukkan aliran Nativisme dan Naturalisme menyokong perspektif baka. Manakala aliran Empirisme menyokong perspektif persekitaran. Percanggahan dan kepercayaan tersebut telah mewujudkan aliran baru yang menghasilkan percantuman kedua-dua baka dan persekitaran iaitu aliran konvergensi. Hakikatnya pertumbuhan dan perkembangan melibatkan beberapa aspek seperti fizikal, emosi, mental, bahasa, sosial, keperibadian dan moral dipengaruhi oleh kedua-dua faktor biologi dan persekitaran. Ini kerana kedua-dua faktor ini adalah saling melengkapi dan berkait rapat dengan tahap perkembangan manusia.

Kata Kunci: Baka; Persekitaran; Pertumbuhan; Perkembangan; Aliran.

How to Cite:

Received: 22-10-2024

Revised: 26-11-2024

Accepted: 5-3-2025

Published: 19-5-2025

Mansor, N. A. & Abdullah, M. A. (2025). Polemik Perkembangan Manusia Antara Baka dengan Persekitaran Menurut Barat dan Perspektif Islam. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 1-20.

1. Pendahuluan

Menurut perspektif Barat, baka dan persekitaran sangat berkait rapat dalam pertumbuhan dan perkembangan manusia. Tumbesaran manusia adalah mengikut momentum yang berbeza lalu menjadikan ketidaksamaan dalam kadar dan tahap perkembangan setiap individu. Ia berlaku kerana dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu faktor genetik atau baka yang merujuk kepada istilah *nature* dan faktor persekitaran yang merujuk kepada istilah *nurture*.

Menurut Badcock (2015), istilah *nature* dan *nurture* diperkenalkan oleh Francis Galton (1822-1911) yang merupakan seorang ahli akademik, ahli sains, peneroka dan juga ahli antropologi. Beliau merupakan pengasas yang mengkaji tentang kecerdasan manusia. Pada tahun 1874, buku yang bertajuk *English Men of Science: Their Nature and Nurture* telah diterbitkan dan dalam buku tersebut beliau berhujah bahawa kepandaian, karakter dan sifat seseorang adalah dari faktor keturunan. Menurut Galton (1874: 12):

“The phrase 'nature and nurture' separates under two distinct heads the innumerable elements of which personality is composed. Nature is all that a man brings with himself into the world; nurture is every influence from without that affects him after birth”.

Pernyataan Francis Galton di atas adalah sebelum kemajuan teknologi sains moden, iaitu sains belum lagi mengkaji tentang faktor genetik terhadap perkembangan manusia. Kepercayaan beliau adalah bertentangan dengan ahli falsafah terdahulu iaitu John Locke yang terkenal dengan teori “*tabula rasa*” atau “*blank state*”. John Locke percaya bahawa anak-anak dilahirkan sebagai kosong, pengajaran dan pengalamanlah yang membentuk ciri-ciri atau sifat anak-anak (Rettew, 2017).

Francis Galton (1874) percaya bahawa baka dan persekitaran merupakan dua unsur yang berbeza dalam membentuk personaliti seseorang. Baka merujuk kepada ciri-ciri semula jadi yang diwarisi secara genetik daripada generasi terdahulu, yang dikenali sebagai genetik. Faktor ini melibatkan elemen biologi dan warisan yang dibawa sejak lahir. Sebaliknya, persekitaran merangkumi semua pengaruh persekitaran dan yang dialami oleh seseorang selepas dilahirkan. Ia termasuk pengalaman hidup, cara asuhan, dan pengaruh luar yang memberi kesan terhadap pembentukan personaliti individu.

Galton juga menegaskan bahawa kedua-dua istilah baka dan persekitaran tidak terikat kepada mana-mana teori iaitu ia tidak semestinya dikaitkan atau terhad kepada pandangan atau teori yang berasal dari dunia Barat. Dalam erti kata lain, kedua-dua istilah ini adalah konsep universal yang boleh diaplikasikan dalam mana-mana konteks, tidak kira budaya atau geografi. Penekanannya ialah idea-idea ini boleh diterima dan digunakan tanpa perlu berpaut kepada satu teori atau falsafah tertentu, termasuk teori yang berakar daripada pemikiran Barat. Pandangan beliau lagi, sifat atau bakat semula jadi (*nature*) yang merupakan ciptaan Tuhan mungkin diwarisi atau tidak diwarisi secara turun-temurun (Rettew, 2017). Sementara itu, konsep *nurture*, iaitu persekitaran, melangkaui keperluan asas seperti makanan, pakaian, pendidikan, atau tradisi. Ia juga melibatkan faktor-faktor yang lebih kompleks seperti budaya, norma, dan pengaruh lain, sama ada kesan ini

disedari atau tidak, secara langsung mahupun tidak langsung. Secara keseluruhannya, Galton menyatakan bahawa personaliti seseorang dibentuk melalui gabungan faktor genetik dan persekitaran. Kedua-dua faktor ini saling melengkapi tanpa mengarah kepada satu faktor sahaja, tetapi memberi perspektif komprehensif tentang pembangunan manusia.

Istilah baka dan persekitaran adalah menggambarkan dua perbezaan faktor yang ada pada setiap individu dan yang mana paling mempengaruhi perkembangan sepanjang hayat. Walau bagaimanapun kedua-dua perspektif ini masih lagi menjadi perdebatan antara ahli-ahli biologi, psikologi dan sosiobiologi dalam menentukan faktor yang mana paling dominan dalam mempengaruhi perkembangan manusia. Menurut Rozmi Ismail (2011), perdebatan ini berlaku apabila ada di antara ahli-ahli sarjana yang yakin bahawa perkembangan manusia hanyalah dipengaruhi oleh baka yang diwarisi sejak dalam kandungan lagi dan dikawal sepenuhnya oleh kod genetik daripada ibu bapa. Manakala ahli-ahli sarjana lain pula percaya bahawa faktor persekitaran seperti pengalaman, pendidikan, pemakanan, gaya hidup dan status sosial mempengaruhi perkembangan dan tumbesaran manusia sepenuhnya.

Jika dilihat dari sudut historiografi, sebelum istilah baka (*nature*) dan persekitaran (*nurture*) diperkenalkan oleh Francis Galton, telah wujud aliran-aliran yang menyokong faktor *nature* dan *nurture*. Malah telah berlaku percanggahan pendapat, idea dan kepercayaan tentang faktor pertumbuhan dan perkembangan manusia sejak dahulu lagi. Justeru, kajian ini dikemukakan bagi meneliti polemik perkembangan manusia antara baka dengan persekitaran menurut perspektif Barat dan Islam.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan iaitu dengan meneliti dan menganalisis data yang diperolehi dari rujukan seperti buku dan dokumen tentang sejarah aliran-aliran yang berkaitan dengan *nature* dan *nurture*. Data yang dianalisis adalah berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan manusia dengan meneliti pandangan aliran-aliran berkaitan. Selain itu, penulis menganalisis beberapa ayat al-Quran dan Hadis untuk mengkaji pandangan Islam berkaitan dengan isu perkembangan manusia. Hasil analisis dapatan iaitu perkembangan aliran-aliran yang berkaitan dengan perspektif baka dan persekitaran dirumuskan dan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah.

3. Aliran Dalam Perspektif Baka (*Nature*)

Aliran nativisme yang dipelopori oleh Arthur Schopenhauer iaitu ahli falsafah Jerman (1788-1880). Nativisme berasal dari perkataan *native* yang bermaksud asli atau asal dan dalam bahasa Latin *nativus* yang bermaksud terlahir. Aliran ini percaya bahawa perkembangan manusia adalah ditentukan dan dipengaruhi oleh baka, keturunan atau pembawaan sejak lahir lagi. Manakala pendidikan dan persekitaran hanyalah sebagai rangsangan sampingan dalam pertumbuhan manusia dan tidak memberi pengaruh yang besar dalam perkembangan keperibadian seseorang individu (Schopenhauer, 1969).

Pandangan aliran nativisme yang paling berpengaruh ialah dalam diri manusia terdapat sesuatu yang digelar “inti” peribadi yang mendorong manusia dalam membuat pilihan dan kemahuan sendiri, sekaligus menjadikan manusia sebagai makhluk aktif yang bebas dan tidak terikat. Malah fahaman ini juga digelar biologisme kerana hanya menekankan kehidupan sendiri sebagai makhluk biologi dalam perkembangan kehidupan (Schopenhauer, 1969)

Aliran ini juga dikenali sebagai aliran pesimistik, kerana percaya bahawa perkembangan setiap individu itu tetap, tidak berubah dan bersifat semula jadi walaupun terdapat usaha untuk melakukan perubahan. Setiap perkembangan hidup seseorang itu akan melalui proses pembelajaran sesuai dengan bakat dan pembawaan semula jadinya (Aas Siti Sholichah, 2018). Sebagai contoh, sekiranya anak mempunyai keturunan atau baka yang baik, maka jadilah dia orang yang baik. Pembawaan baik dan buruk sejak lahir ini tidak dapat diubah walaupun dengan rangsangan atau pendidikan luar. Oleh itu, hasil pendidikan kepada anak-anak adalah bergantung kepada faktor keturunan dan biologi, bukan persekitaran.

Aliran yang mempunyai pandangan yang sama dengan aliran nativisme ialah aliran naturalisme. Perkataan naturalisme berasal dari bahasa Latin iaitu *nature* yang membawa maksud alam, tabiat dan pembawaan. Tokoh aliran ini ialah Jean Jacques Rousseau (1712–1778), seorang ahli falsafah Perancis. Beliau berpandangan bahawa manusia dilahirkan tanpa mewarisi sebarang sikap buruk tetapi mempunyai sikap semula jadi yang baik, dilahirkan suci (*noble stage*) dan faktor alam yang mempengaruhi perkembangan manusia. Beliau juga percaya bahawa dalam pendidikan, manusia perlu kembali kepada alam supaya pembawaan baik seseorang yang telah ada sejak lahir itu tidak dirosakkan oleh persekitaran sekeliling dan kebudayaan manusia itu sendiri (Gianoutsos, 2006). Sebagai contoh anak ahli muzik sepatutnya diberi pendidikan dalam jurusan muzik dan bukan dalam bidang kedoktoran. Ini kerana perlu mengikut pembawaan genetik dan bakat semulajadi dari ibu atau bapanya. Ini kerana setiap manusia yang lahir telah membawa potensi dan bakat yang dimiliki oleh generasi sebelumnya.

Dengan kata lain, penyokong Rousseau ini percaya bahawa hanya biologi atau faktor baka yang dibawa melalui aliran darah dalam kromosom mempengaruhi perkembangan manusia. Malah menganggap faktor persekitaran atau pendidikan tidak membawa apa-apa pengaruh kepada manusia dan hanyalah sebagai pelengkap dalam kehidupan manusia. Jika ibu bapa mempunyai fizikal dan psikologikal yang sihat, maka generasi atau keturunan mereka juga menjadi sihat kerana menurunkan genetik yang sihat kepada anak-anak dan begitulah juga berlaku jika sebaliknya (Santrock, 2019). Mereka juga percaya bahawa faktor genetik dan baka yang menghasilkan persamaan pertumbuhan dan perkembangan yang berlaku kepada setiap individu menjadi sempurna. Namun disebabkan adanya pengaruh persekitaran yang buruk, menjadikan proses pertumbuhan manusia tidak seimbang dalam semua aspek perkembangan (Imam Hanafi, 2018).

Menurut Jamaludin, Azizan & Wan Zailan (2017), terdapat pandangan tokoh lain seperti Plato dan Aristotle yang menyatakan bahawa manusia adalah haiwan yang rasional, penciptaan manusia adalah mengikut gambaran Tuhan dan tujuan penciptaannya. Kehidupannya bergantung kepada sejauh manakah hubungannya dengan Tuhan. Manakala Darwin menegaskan bahawa manusia adalah haiwan yang berkembang secara evolusi, yang mewarisi anatomi, DNA dan juga kelakuan yang diturunkan dari generasi lama kepada generasi baru.

Namun, aliran ini telah berpecah kepada dua golongan semasa era perkembangannya, iaitu pengikut Rousseau dan pengikut Mensius (ahli falsafah China). Rousseau percaya bahawa "*nature within us*" (tabii dalam diri) dan semuanya perlu selari atau sejajar dengan tabii untuk menjadi harmoni. Namun beliau tidak menjelaskan secara khusus apa yang dimaksudkan dengan tabii. Golongan Rousseau juga percaya bahawa manusia secara semula jadi adalah baik dan membawa keturunan yang baik. Tetapi disebabkan oleh pengaruh persekitaran dan budaya dalam masyarakat menyebabkan manusia menjadi jahat (Froese, 2008). Oleh kerana sifat jahat manusia yang ada dalam diri, maka perlu ada usaha untuk membendungnya seperti usaha melalui kerajaan dan latihan kerohanian (Stalnaker, 2006).

Kedua-dua aliran dan beberapa pandangan tokoh yang telah dibincangkan jelas menunjukkan bahawa para ahli sarjana menyokong perspektif nature dan percaya bahawa faktor baka atau genetik sangat mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan manusia. Ini bermakna *nature* merupakan pemberian dan anugerah dari Tuhan yang bersifat tetap dan sukar diubah.

4. Aliran Dalam Perspektif Persekitaran Atau Asuhan (*Nurture*)

Aliran Empirisisme menyokong perspektif persekitaran iaitu mempercayai perkembangan seseorang manusia itu ditentukan oleh asuhan, pendidikan dan pengalaman yang diterima sejak kecil lagi. Aliran ini percaya bahawa manusia dapat dididik dan dibentuk mengikut kehendak persekitaran dan pendidikan sama ada ke arah kebaikan atau keburukan (Siti Nadirah, 2013). Istilah Empirisisme berasal dari bahasa Latin iaitu *empiricus* yang membawa maksud pengalaman dan ianya berlawanan dengan rasionalisme (H. A. Fuad Ihsan, 2010). Ada juga pendapat yang Empirisisme adalah dari kata dasar *empeiria* dan *experietia* iaitu dari bahasa Yunani yang membawa maksud berpengalaman dengan..., berkenalan dengan.... dan terampil untuk... (Edwards, 1967).

Dalam erti kata lain, doktrin yang dibawa oleh Empirisisme ialah semua ilmu pengetahuan diperolehi melalui pengalaman dengan menggunakan segala panca indera sebagai alat untuk mendapatkan maklumat. (M. Ied Al Munir, 2004). Aliran ini menekankan peranan pengalaman dalam memperoleh pengetahuan serta pengalaman itu sendiri dan mengecilkan peranan akal. Empirisisme berpendirian bahawa semua pengetahuan diperolehi dari pancaindera dan seterusnya kesan-kesan dari alam nyata tersebut berkumpul dalam diri manusia, sehingga menjadi pengalaman. Antara tokoh-tokoh aliran ini ialah Francis Bacon (1210-1292), Thomas Hobbes (1588-1679), John Locke (1632-1704), David Home (1711-1776) dan Herbert Spencer (1820-1903).

Tokoh yang paling berpengaruh dalam aliran ini ialah John Locke iaitu ahli falsafah Eropah yang memperkenalkan istilah '*tabula rasa*' yang bermaksud lembaran kosong. John Locke berpendapat bahawa manusia ibarat kertas kosong semasa dilahirkan. Baka, bakat dan pembawaan sejak lahir tidak memberi pengaruh dalam perkembangan manusia. Sebaliknya, pengalaman, persekitaran dan pendidikan yang diperolehi dalam kehidupan yang mempengaruhi perkembangan manusia. Namun, '*tabula rasa*' bukanlah bermaksud tiada langsung unsur-unsur kognitif dalam awal perkembangan manusia tetapi untuk membentuk prinsip moral yang benar, manusia memerlukan arahan dan petunjuk yang betul (Locke, 1990).

Ini bermakna golongan sarjana Empirisisme percaya bahawa manusia lahir dalam keadaan natural iaitu tidak mempunyai potensi atau bakat. Malah perkembangan seseorang individu itu dari sudut biologi dan sosial dapat dibentuk oleh faktor persekitarannya. Sebagai contoh, dari sudut biologi, seseorang individu menjadi sihat jika mendapat makanan yang berzat, ubat-ubatan yang mencukupi sekiranya sakit dan menjaga kesihatan luaran dan dalaman. Sementara dari sudut sosial pula, seseorang individu membesar dan mendapat kasih sayang dari ahli keluarga secukupnya, mempunyai teman

sebagai yang baik, mendapat pendidikan yang sempurna di sekolah, hidup dalam masyarakat yang menyokong antara satu sama lain dan pengaruh media yang baik akan menjadikan tumbesaran dan perkembangan yang positif (Imam Hanafi, 2018). Ini bermakna potensi dan bakat manusia dapat berkembang secara optimum sekiranya mempunyai persekitaran yang sempurna.

Menurut Noer Rohmah (2012), terdapat lima aspek persekitaran yang mempengaruhi perkembangan manusia iaitu pertama, persekitaran geografi seperti penempatan di kawasan pergunungan, pesisiran pantai dan bandar besar. Kedua ialah persekitaran tempoh suatu masa atau era semasa berlakunya perkembangan ketamadunan dan peradaban seperti era klasik, moden dan globalisasi. Ketiga ialah persekitaran sosial iaitu persekitaran dalam sesebuah masyarakat ditentukan berdasarkan hubungan antara individu dengan individu yang lain. Keempat ialah persekitaran budaya iaitu budaya dalam sesebuah masyarakat ditentukan oleh kelompok masyarakat di dalamnya seperti cara berfikir, bertindak dan berperanan. Kelima ialah persekitaran psikologi iaitu persekitaran yang ditentukan oleh keadaan jiwa dan mental seseorang individu seperti rasa toleransi, kebertanggungjawaban dan kesedaran terhadap sesuatu perkara atau keadaan.

Berdasarkan perbincangan tentang perspektif persekitaran, maka jelas di sini bahawa para ahli sarjana Empirisisme menyokong pandangan *nurture* dan menganggap hanya faktor persekitaran yang mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan manusia. Ini bermakna persekitaran boleh berubah berdasarkan faktor penempatan, tempoh masa, sosial, pengasuhan, pendidikan, pola pemakanan dan lain-lain. Maka persekitaran perlu melibatkan orang disekeliling seperti ahli keluarga, rakan-rakan, guru dan masyarakat dalam memberi asuhan, didikan dan pengaruh yang baik.

5. Hasil Percanggahan Aliran Dalam Perspektif *Nature Nurture*

Hasil dari pertentangan aliran Nativisme dan Empirisisme, maka lahirlah aliran Konvergensi, juga dikenali dengan teori perpaduan yang dipelopori oleh William Stern (1871-1938), tokoh falsafah dan psikologi dari Jerman. Konvergensi adalah dari perkataan *convergence* yang bermaksud memusat pada satu titik. Satu titik pusat disini ialah pendidikan, dimana pendidikan sangat membantu seseorang individu untuk mengembangkan potensi yang baik dan dapat menghalang perkembangan potensi yang tidak baik (Meidawati Suswandari, 2017).

Golongan Konvergensi mengambil jalan tengah dari kedua-dua perspektif baka dan persekitaran. Para ahli sarjana berpendapat bahawa tumbesaran dan perkembangan setiap manusia dipengaruhi oleh faktor genetik


dan persekitaran. Mereka berpandangan bahawa tidak mungkin perkembangan manusia boleh berlaku secara maksimum sekiranya hanya satu faktor sahaja terlibat. Maka gabungan dan perpaduan antara keduanya adalah suatu yang mutlak dalam perkembangan manusia (Mustaqim, 2012). Kedua-dua faktor tersebut memainkan peranan masing-masing dan saling melengkapi dan saling mempengaruhi dalam setiap tahap perkembangan manusia.

Aliran ini percaya bahawa pembawaan sejak lahir, baka dan genetik perlulah seiring dengan pendidikan, pengalaman dan persekitaran dalam perkembangan manusia untuk melahirkan manusia yang berpotensi. Pendidikan merupakan pertolongan untuk mengembangkan potensi baik dan juga pada masa yang sama mencegah potensi tidak baik. Aliran ini juga ini adalah satu titik pertemuan antara dua garis konsep iaitu baka dan persekitaran yang saling memerlukan untuk perkembangan manusia yang lengkap (Aas Siti Sholichah, 2018).

Oleh yang demikian, bakat semula jadi yang dimiliki seseorang sejak lahir (faktor dalaman) memerlukan sokongan daripada pembelajaran dan persekitaran yang sesuai (faktor luaran) untuk berkembang dengan baik. Tanpa sokongan ini, bakat tersebut mungkin tidak dapat mencapai potensi penuhnya. Sebaliknya, walaupun persekitaran dan pembelajaran yang baik tersedia, ia mungkin tidak dapat membantu seseorang berkembang secara optimum sekiranya individu tersebut tidak memiliki bakat asas yang diperlukan. Ini menunjukkan bahawa keseimbangan antara bakat semula jadi dan faktor luaran adalah penting untuk memastikan perkembangan yang maksimum (Muhammad Fathurrohman, 2016).

Sejajar dengan pandangan Morrison (1995) yang menyatakan bahawa banyak ciri-ciri manusia dipengaruhi oleh keturunan seperti warna kulit, kerangka tubuh badan, tahap kecerdasan mental dan bakat berbanding dengan persekitaran. Namun keadaan fizikal tubuh badan seperti ketinggian dan berat badan boleh dipengaruhi oleh faktor pemakanan. Manakala kecerdasan mental dan bakat boleh dipengaruhi oleh faktor pendidikan dan pendedahan terhadap sesuatu perkara secara berterusan. Oleh itu, faktor semulajadi yang terdapat dalam diri manusia dan faktor persekitaran adalah sama penting untuk pertumbuhan dan perkembangan normal. Interaksi antara keduanya telah menjadikan manusia seperti diri kita pada hari ini.

Sekaligus aliran ini menyokong kedua-dua perspektif baka dan persekitaran yang menjadi faktor utama dalam pertumbuhan dan perkembangan manusia. Justeru itu kedua-duanya dilihat sangat penting dalam perkembangan dan pembentukan sifat dan tabiat manusia. Perkembangan aliran-aliran klasik dalam perspektif baka dan persekitaran dapat dirumuskan dalam aliran rajah berikut:



Rajah: Perkembangan aliran-aliran dalam perspektif baka dan persekitaran (*Nature Nurture*)

6. Baka Dan Persekitaran Menurut Perspektif Islam

Baka dan genetik dua istilah yang dipinjamkan daripada bahasa Arab dan Inggeris. Baka dalam Bahasa Arab bererti kekal atau sifat janin yang diwarisi (Ibn Manzur, 1990). Dalam bahasa Malaysia istilah baka merujuk kepada benih, asal keturunan dan sifat-sifat daripada keturunan yang turun temurun. Manakala genetik bermaksud keturunan, baka, cara individu mewarisi sifat dan memindahkan ciri tersebut daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Kedua-dua istilah ini dipakaikan juga kepada haiwan dan tumbuhan. (Kamus Dewan, 2007; al-Marbawi, 1990).

Baka atau gentik ialah usul bagi keturunan manusia. Melalui genetik, keturunan manusia dilahirkan secara turunan dan berkembang kepada ras, etnik dan bangsa. Justeru, Islam memberikan perhatian besar berkaitan keturunan, bermula daripada pemilihan isteri dan menjaga kesucian keturunan melalui perkahwinan. Contohnya, Rasulullah SAW menyarankan salah satu ciri bagi calon isteri adalah keturunan yang baik-baik, membiak dan berakhlak [al-Bukhari: 5090; Muslim, 3708]

Islam tidak menggalakkan perkahwinan dengan kerabat terdekat atau disebut perkahwinan endogami seperti sepupu sama ada daripada pihak

sebelah ibu atau bapa. Al-Zuhayli (2006) dan al-Sharbini (2020) menjelaskan perkahwinan di antara sepupu diharuskan, namun ia tidak digalakkan disebabkan boleh memberi kesan terhadap kesihatan, fizikal dan mental anak-anak yang bakal dilahirkan seperti kecacatan dan lemah tubuh badan. Oktavia (t.th) dalam artikel berjudul “Menikah Dengan Kaum Kerabat dan Pengaruhnya” memetik kesan-kesan negatif daripada perkahwinan dengan sepupu. Kajian kedoktoran menemui beberapa kelainan yang mungkin terjadi kepada anak yang dilahirkan seperti cacat, down syndrome, talasemia, kelemahan otot tubuh, bahkan boleh mewarisi tuli, pekak dan cacat mata. Ibn al-Athir (1979) menukulkan sebuah hadis daif;

[اَعْتَرَبُوا وَلَا تَنْصُبُوا] أَي تَزَوَّجُوا الْعَرَائِبَ دُونَ الْقَرَائِبِ فَإِنْ وَلَدَ الْغَرِيبَةُ أُنْجَبُ وَأَقْوَى مِنْ وَلَدِ الْقَرِيبَةِ

Maksud: Kamu berkahwinlah dengan wanita yang asing, bukan daripada kaum kerabat. Sesungguhnya anak (yang dilahirkan) daripada wanita asing lebih subur dan kuat daripada anak (yang dilahirkan) kaum kerabat.

Perakuan Islam terhadap genetik diguna pakai sejak awal Islam berdasarkan kaedah *al-Qafah* atau *al-Qiyafah* (*physiognomy*). Teknik ini bermaksud melihat pengaruh genetik dari sudut fisiologi dan fizikal badan antara keluarga terdekat seperti ayah dengan anak terhadap warna kulit, wajah, rambut dan kaki. Kemiripan berkenaan boleh dihubungkan dengan semua bentuk fizikal tubuh manusia yang memungkinkan adanya penurunan sifat-sifat dan kemiripan disebabkan faktor genetik (al-Zuhaily, 2006; al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah, 2007; Robiatul Adawiyah et. al, 2022).

عَنْ عَائِشَةَ ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، - قَالَتْ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَيَّ مَسْرُورًا تَبَرَّقَ أَسَارِيرُ وَجْهِهِ فَقَالَ أَلَمْ تَرَيَنَّ أَنَّ مُجَرَّرًا نَظَرَ أَنْفًا إِلَى زَيْدِ بْنِ حَارِثَةَ وَأُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ فَقَالَ إِنَّ هَذِهِ الْأَقْدَامَ بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ.

Maksud: Daripada Aisyah RA, beliau berkata: “Sesungguhnya Rasulullah SAW masuk kepadaku dalam keadaan gembira, terpancar kegembiraan pada wajahnya. Baginda bersabda: 'Tidakkah engkau tahu bahawa tadi Mujazziz memerhatikan Zaid bin Harithah dan Usamah bin Zaid, lalu dia berkata, 'Sesungguhnya kaki-kaki ini berasal daripada sebahagian yang sama (maksudnya mereka mempunyai pertalian darah)’ [al-Bukhari, no. hadis: 6770 & Muslim, no. hadis: 3690].

Islam menegaskan secara pasti bahawa manusia berasal daripada Nabi Adam AS. Daripada Adam AS, diciptakan manusia kedua Hawwa. Perkahwinan Adam AS dan Hawa melahirkan manusia ketiga, keempat dan seterusnya, membiak dan berkembang (al-Qurtubi, 1964; Ibn Kathir, 1999). Sehubungan itu, perkembangan manusia sama ada dari aspek jantina, keturunan, bangsa, ras, etnik, perlakuan dan tabiat berkait rapat dengan genetik yang diwarisi daripada ibu bapanya (Binti Mansor, 2023; Mansor, 2020). Perkembangan genetik manusia lebih jelas melalui penjelasan al-Quran bahawa generasi manusia berkembang melalui dua fasal yang besar. Generasi pertama daripada generasi Nabi Adam AS dan fasal kedua dimulai dengan zuriat anak-anak Nabi Nuh AS. Firman Allah SWT;

وَجَعَلْنَا ذُرِّيَّتَهُ هُمُ الْبَاقِينَ ٧٧

Maksud: Dan Kami jadikan zuriat keturunannya sahaja orang-orang yang tinggal hidup (setelah Kami binasakan kaumnya yang ingkar) (as-Saffat, 37: 77).

Al-Qurtubi (1964) menjelaskan ayat di atas merujuk kepada tiga anak Nabi Nuh AS, iaitu Sam, Ham dan Yafith. Ibn Khatir (2021) pula menegaskan semua umat manusia, segala jenisnya, yang ketika tinggal di permukaan bumi bernasabkan kepada ketiga-tiga anak Nabi Nuh AS tersebut. Dikatakan setiap daripada mereka melahirkan zuriat yang ramai mencapai 33 orang. Samrah RA meriwayatkan daripada Rasulullah SAW;

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: سَامٌ أَبُو الْعَرَبِ، وَحَامٌ أَبُو الْحَبَشِ، وَيَافِثُ أَبُو الرُّومِ

Maksud: Rasulullah SAW bersabda; Sam bapa kepada Arab, Ham bapa kepada Habsyah dan Yafith bapa kepada Rom [al-Tirmizi, hadis no. 3231; Ahmad, hadis no. 20111. Al-Tirmizi mengatakan hadis hasan, tetapi al-Arna'ut mengatakan status hadis daif].

Berdasarkan hadis di atas bangsa-bangsa yang berkembang hari ini dapat dibezakan secara jelas melalui warna kulit, fizikal dan perwatakan. Sam melahirkan bangsa sekitar Asia Barat seperti kaum Arab, Rom dan Parsi. Ham pula melahirkan bangsa kulit hitam di sebelah Afrika. Manakala Yafith melahirkan bangsa timur yang memiliki genetik yang matanya lebih kecil dan fizikalnya lebih rendah. Sifat dan perwatakan daripada turunan genetik dapat dikaji melalui sabda Rasulullah SAW kepada bangsa Turk;

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تُقَاتِلُوا التُّرْكَ ؛ صِغَارَ الْأَعْيُنِ، حُمْرَ الْوُجُوهِ، ذُلْفَ الْأَنْوَفِ، كَأَنَّ وُجُوهُهُمْ
الْمَجَانُّ الْمَطْرَقَةُ، وَلَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تُقَاتِلُوا قَوْمًا نِعَالُهُمُ الشَّعْرُ.

Maksud: Tidak akan berlaku kiamat sehinggalah kamu memerangi bangsa Turk, mata yang kecil, berwajah merah, berhidung penyet, seolah-olah mukanya seperti perisai leper yang dibalut dengan kulit. Tidak akan berlaku kiamat sehingga kamu memerangi satu kaum yang memakai alas kaki daripada bulu [Al-Bukhari, no. hadis: 2928].

Perbahasan dan pengkajian mengenai genetik akan berlanjutan. Sejak abad ke-18 hingga kini pelbagai teori dan rumusan dibuat. Walter Sutton menamakannya sebagai kromosom, manakala Wilhem Johannsen pula mengistilahkan sebagai gen. Kajian mutakhir menemukan asid deodisiribonukleik (DNA) kepada genetik. Maklumat genetik disimpan dalam kromosom yang dibentuk daripada molekul DNA, dan ia merupakan bahan yang menghasilkan gen. Al-Quran al-Karim sejak 1400 tahun menjelaskan asal usul genetik, peranan dan pengaruhnya kepada keturunan dalam banyak ayat. Antaranya firman Allah SWT;

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنَ الْمَاءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُ نَسَبًا وَصِهْرًا وَكَانَ رَبُّكَ قَدِيرًا ٥٤

Maksud: Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia dari air (mani), lalu dijadikannya titisan baka dan pertalian keluarga; dan sememangnya Tuhan mu berkuasa (menciptakan apa juga yang dikehendakiNya) (Al-Furqan, 25: 54).

Ayat di atas menerangkan bahawa manusia dijadikan daripada inti pati mani yang mewarisi baka daripada induknya secara turun temurun. Setiap manusia memiliki genetik yang unik dan tersendiri. Raut wajah, warna kulit, bentuk mata, cap jari dan sebagainya yang diwarisi daripada ibu bapa kepada waris kandungunya melalui kromosom yang mengandungi maklumat-maklumat genetik. Data-data DNA tersimpan secara kekal dalam keseluruhan anggota tubuh manusia seperti benih, darah, kulit, air liur, rambut dan kuku.

Sesuatu hal yang mempengaruhi perkembangan genetik daripada perwatakan dan tingkah laku adalah persekitaran yang dicorakkan oleh manusia di sekeliling mereka. Abu Hurairah RA meriwayatkan daripada Rasulullah SAW;

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ ، أَوْ يُنَصِّرَانِهِ ، أَوْ يُمَجِّسَانِهِ كَمَثَلِ الْبَهِيمَةِ تُنْتَجِجُ الْبَهِيمَةُ هَلْ تَرَى فِيهَا جَدْعَاءَ.

Maksud: Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua ibubapanya yang mencorakkanya (sama ada) menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi, sebagaimana binatang ternak yang melahirkan binatang ternak dengan sempurna. Apakah kalian melihat ada cacat padanya! [al-Bukhari, no. hadis: 13585].

Perbincangan mengenai asal usul dan perkembangan manusia jelas menunjukkan bahawa faktor baka memainkan peranan penting dalam membentuk sifat dan perwatakan individu. Baka atau genetik merupakan ciri-ciri yang diwarisi daripada ibu bapa melalui kromosom dan DNA. Ini dapat dilihat melalui penjelasan al-Quran dan hadis yang menegaskan bahawa manusia berkembang dari keturunan Nabi Adam AS, kemudian melalui zuriat anak-anak Nabi Nuh AS seperti Sam, Ham, dan Yafith, yang masing-masing melahirkan bangsa-bangsa dengan ciri fizikal, warna kulit, dan genetik yang berbeza. Sebagaimana contoh Sam menjadi bapa kepada bangsa Arab, Ham melahirkan bangsa Afrika, dan Yafith melahirkan bangsa Timur Perbezaan genetik ini menjelaskan variasi sifat fizikal manusia seperti bentuk wajah, warna kulit, dan mata yang diwarisi secara turun-temurun.

Namun begitu, faktor baka sahaja tidak mencukupi untuk menjelaskan sepenuhnya pembentukan sifat dan perwatakan manusia. Persekitaran turut memainkan peranan penting dalam mencorakkan perkembangan individu. Persekitaran yang dimaksudkan meliputi suasana keluarga, masyarakat, pendidikan, dan nilai budaya yang dialami oleh seseorang sepanjang hayatnya. Walaupun seseorang mungkin mewarisi ciri-ciri genetik tertentu, persekitaran mampu mempengaruhi bagaimana ciri-ciri tersebut dimanifestasikan dalam kehidupan harian

Sebagai contoh, manusia diwarisi dengan genetik yang menetapkan potensi fizikal seperti tinggi badan dan warna kulit, namun persekitaran seperti pemakanan dan tahap kesihatan akan menentukan sejauh mana potensi tersebut dapat dicapai. Begitu juga, tingkah laku seseorang yang diwarisi secara genetik boleh dipengaruhi oleh suasana sosial yang membentuk keperibadiannya. Sebagai contoh, anak-anak yang membesar dalam keluarga yang menekankan nilai-nilai murni akan cenderung menonjolkan tingkah laku positif walaupun mungkin mereka mewarisi kecenderungan tertentu daripada baka (Ibn Kathir, 1999).

Selain itu, pengaruh persekitaran dapat dilihat melalui perubahan budaya dan adaptasi sosial dalam masyarakat. Hadis Rasulullah SAW tentang

ciri-ciri bangsa Turk yang menggambarkan sifat fizikal mereka seperti mata kecil dan hidung penyet menunjukkan bagaimana faktor geografi dan persekitaran semula jadi turut membentuk perwatakan fizikal manusia. Faktor ini menjelaskan bahawa persekitaran bukan sahaja mempengaruhi aspek fizikal tetapi juga tingkah laku, kepercayaan, dan nilai individu yang diwarisi.

Al-Quran turut menegaskan peranan persekitaran dalam membentuk hubungan manusia dengan keturunan dan keluarga. Manusia diciptakan daripada air mani yang menjadi asas kepada hubungan baka dan perkahwinan seterusnya hubungan kekeluargaan yang menjadi persekitaran asas dalam mencorakkan sifat manusia, Justeru, pertumbuhan dan perkembangan manusia adalah hasil interaksi yang kompleks antara faktor baka dan persekitaran. Baka menyediakan asas genetik yang unik bagi setiap individu, manakala persekitaran mencorakkan bagaimana potensi genetik tersebut berkembang (Johannsen, 1909; Sutton, 1903). Oleh itu, usaha untuk memahami manusia perlu mengambil kira kedua-dua aspek ini agar dapat mengenal pasti peranan setiap faktor dalam pembentukan sifat dan perwatakan manusia.

7. Hakikat Pertumbuhan Dan Perkembangan Manusia

Bagi mengukuhkan lagi pandangan aliran konvergensi dalam mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan manusia, definisi terhadap pertumbuhan dan perkembangan seharusnya difahami terlebih dahulu. Pada hakikatnya pertumbuhan dan perkembangan yang berlaku kepada setiap manusia adalah pola perubahan yang berlaku secara berterusan sepanjang kehidupan yang bermula sejak awal kelahiran hingga akhir kehidupan.

Pertumbuhan membawa maksud suatu perubahan yang boleh dinilai dan diukur dengan jelas dari satu peringkat ke peringkat yang lain dan dari satu jangka masa ke jangka masa yang lain. Pertumbuhan ini bersifat berterusan yang melibatkan perubahan dari segi kuantitatif iaitu dapat dilihat dengan jelas pada sesuatu organisma yang melibatkan struktur dan fungsi tubuh. Setiap manusia mengalami kadar pertumbuhan yang berlainan tetapi peringkat pertumbuhan yang sama kerana faktor-faktor tertentu seperti baka, kesihatan ibu ketika hamil, taraf sosio ekonomi dan iklim (Garrison, 1959 & Gesell, 2007).

Perkembangan pula bermaksud perubahan tingkah laku secara teratur dan tersusun dalam mencapai proses kematangan. Ia adalah perubahan kualitatif iaitu menunjukkan peningkatan atau perbezaan dengan sifat terdahulu. Perubahan ini tidak dapat diukur secara kuantitatif kerana melibatkan kematangan, kestabilan, pengukuhan seperti kecenderungan menjadi lebih baik dalam aspek pemikiran, emosi, moral, sosial dan rohani.

Perkembangan juga berlaku secara berperingkat yang melibatkan proses pembelajaran dan perkembangan fizikal dan bersifat berterusan kerana berlaku sehingga akhir hayat seseorang individu. Faktor yang mempengaruhi perkembangan ialah faktor baka dan persekitaran (Garrison, 1959; Crow & Crow, 1962 & Atan Long, 1980).

Menurut Hurlock (1995) pula, pertumbuhan kuantitatif adalah merujuk kepada perubahan dan peningkatan yang boleh diukur secara fizikal dan berstruktur. Pertumbuhan yang melibatkan perubahan yang bersifat kuantitatif dan kualitatif yang berlaku secara teratur, mempunyai kesinambungan dan bersifat progresif. Ciri-ciri keteraturan dan kesinambungan ini menunjukkan bahawa perubahan berlaku dengan baik serta wujud hubungan yang jelas antara keadaan masa lalu dan masa kini. Sementara itu, sifat progresif pula menggambarkan perubahan yang berlaku secara terarah dan mencapai kemajuan yang diharapkan.

Walaupun penggunaan istilah pertumbuhan dan perkembangan digunakan untuk menunjukkan proses yang berbeza, namun keduanya merupakan istilah yang sering digunakan bersama bagi menunjukkan kesempurnaan proses yang berlaku dalam perkembangan manusia. Ini bermakna proses perubahan dalam pertumbuhan dan perkembangan adalah saling berkait, malah faktor-faktor yang mempengaruhinya juga meliputi kedua-dua perspektif baka dan persekitaran (Santrock, 2019). Kedua-duanya menjadi faktor utama dalam pertumbuhan dan perkembangan manusia dan mustahil untuk hanya satu perspektif sahaja yang mendominasi. Pertumbuhan dan perkembangan meliputi aspek fizikal, emosi, mental, sosial, keperibadian, bahasa dan moral.

Jadual: Perbezaan pertumbuhan dan perkembangan dari aspek-aspek tersebut adalah seperti jadual berikut

Aspek	Pertumbuhan	Perkembangan
Fizikal	Berat dan saiz badan, pertumbuhan urat, sistem saraf, otot, gigi, daging, kelenjar endoktrin dan pancaindera.	Kemahiran menggunakan anggota badan seperti berlari, melompat, berjalan dan sebagainya. Gerakan yang dilakukan adalah sesuai dengan kemampuannya.
Emosi	Melibatkan perasaan yang dialami ketika sedang menghadapi situasi tertentu seperti sayang, suka, sedih, marah, benci, putus asa dan sebagainya.	Mampu menguasai, mengawal perasaan dan juga dapat menyesuaikan emosi dalam keadaan tertentu. Namun emosi yang dirasakan mampu mempengaruhi pemikiran dan perilaku.
Mental	Kemampuan berfikir termasuklah perkara yang bersifat subjektif dan abstrak.	Berkemahiran menggunakan perkataan, angka, bahasa, pemikiran dan penaakulan.
Bahasa	Kemampuan berkomunikasi secara lisan, tulisan, isyarat dan simbol-	Berkemahiran menggunakan bahasa dengan betul iaitu dapat bertutur,

	simbol berdasarkan suatu sistem bahasa tertentu.	menulis dan mengaplikasikan simbol-simbol tertentu dengan baik.
Sosial	Berupaya berinteraksi dengan keluarga, rakan sebaya dan masyarakat setelah mengalami proses sosialisasi oleh agen-agen seperti ahli keluarga, guru, rakan-rakan, media masa dan masyarakat.	Mempunyai kesedaran perbezaan jantina, disiplin, peranan dan penyesuaian dengan rakan sebaya. Pencapaian dalam aspek sosial menunjukkan kematangan dalam menyesuaikan diri terhadap budaya, aturan, norma dan hukum dalam masyarakat.
Keperibadian	Kualiti perilaku yang unik yang terdapat dalam diri sesuai dengan keadaan persekitaran.	Mempunyai aspek-aspek keperibadian seperti watak, sikap, emosi, tanggungjawab dan sosiabiliti yang sesuai dengan persekitaran. Keperibadian tersebut muncul berdasarkan pengalaman dan hasil belajar yang saling berkaitan.
Moral	Keinginan untuk menerima dan melakukan peraturan, nilai-nilai dan prinsip-prinsip moral. Belajar melalui persekitaran dengan menilai baik atau buruk dan memahami peraturan serta setiap prinsip moral berdasarkan setiap perilaku yang berlaku disekelilingnya.	Mampu mempamerkan perilaku bermoral seperti mematuhi peraturan dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Perkembangan moral banyak dipengaruhi dari ahli keluarga terdekat.

Sumber: Azizi Yahaya & Zainuddin Abu Bakar (2008) dan Imam Hanafi (2018).

Tuntasnya, sebelum berlakunya perdebatan antara dua istilah ini, telah wujud aliran-aliran yang menyokong teori *nature nurture* seperti nativisme dan naturalisme yang menyokong *nature*, manakala aliran Empirisisme menyokong *nurture*. Aliran Nativisme dan Naturalism berpandangan bahawa pertumbuhan dan perkembangan manusia adalah ditentukan oleh baka dan genetik iaitu potensi dan bakat yang dibawa dari generasi sebelumnya. Malah mendakwa persekitaran dan pendidikan tidak mampu mengubahnya. Manakala aliran Emperisisme berpandangan pertumbuhan dan perkembangan manusia adalah dipengaruhi oleh persekitaran sekeliling dan manusia lahir tanpa potensi dan bakat. Manusia seharusnya dididik bagi memperolehi bakat, potensi dan perkembangan yang maksimum.

Oleh yang demikian, hasil dari percanggahan pendapat dan kepercayaan, maka lahirlah aliran konvergensi yang menggabungkan ketiga-tiga aliran ini. Aliran ini percaya bahawa pertumbuhan dan perkembangan manusia adalah ditentukan dan dipengaruhi oleh kedua-dua faktor baka dan persekitaran. Manusia dilahirkan dengan bakat dan potensi yang sudah sedia

ada dalam diri, sekiranya diberikan pendidikan dan mendapat persekitaran yang baik, maka bakat dan potensi tersebut menjadi lebih baik.

8. Kesimpulan

Islam memberikan panduan dalam pelbagai aspek perkembangan dan pertumbuhan manusia secara komprehensif yang meliputi aspek perkembangan fisik, kognitif, emosional, sosial, moral dan lain-lain. Bahkan perkara ini telah lama tertulis dalam Al-Quran dan hadis. Pertumbuhan dan perkembangan yang terjadi kepada manusia ini merupakan *sunnatullah* yang tidak boleh dihindari. Hal itu merupakan kejadian alamiah yang setiap yang hidup pasti akan mengalami dan merasakan perubahan.

Justeru itu, dalam perkembangan manusia dalam perspektif baka (*nature*) dan persekitaran (*nurture*) seharusnya berjalan seiring agar berlakunya keseimbangan dan tidak membiarkan hanya salah satu darinya mendominasi. Pertumbuhan dan perkembangan setiap manusia adalah dipengaruhi oleh faktor biologi dan persekitaran yang bersifat kompleks dan saling melengkapi antara satu sama lain. Lahirnya seseorang individu dengan sifat-sifat bawaan genetik dan keturunan sudah cukup untuk menentukan ciri dan bentuk fizikal seseorang itu. Namun, untuk menjadikan seseorang itu berperwatakan, mempunyai bakat dan perilaku seperti yang dikehendaki, maka perlulah diberikan pendidikan, pengalaman dan persekitaran yang sesuai. Kedua-dua faktor ini berkait rapat dan tidak mampu untuk berdiri sendiri, malah memerlukan antara satu sama lain kerana saling berinteraksi untuk mencapai tahap maksimum dalam membentuk personaliti terbaik.

Rujukan

- Aas Siti Sholichah. (2018). Teori-teori pendidikan dalam Al-Quran. *Edukasi Islam, Jurnal Pendidikan Islam*, 07 (1), 23-46.
- Atan Long. (1980). *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya & Zainuddin Abu Bakar. (2008). Teori-teori perkembangan. *Psikologi Pendidikan*. (pp. 12-30). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.,.
- Ambarwati dan Umi Budi Rahayu (2005). *Genetika Dalam Sudut Pandangan Islam*. Universitas Muhamadiyyah Surakarta, Vol. 17, No. 1, Mei 2005. Indonesia.
- Al-Bukhari, Muhammad Bin Isma'il (1987). *Al-Jami' al-Sahih*. Kaherah: Dar al-Sha'bi.
- Al-Sharbini, Muhammad Bin al-Khatib. 2020. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Malaysia: Dar 'Umar al-Mukhtar.
- Al-Nawawi (1997). *Al-Majmu' 'ala Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah (2007). Kuwait: Wazarah al-Awqaf wa al-Su'un al-Islamiyyah al-Kuwaitiyyah.
- Al-Qurtubi (1964), Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Tahqiq: Ahmad al-Barduni. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.

- Al-Zuhayli, Wahbah. 2006. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1998. *Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Badcock, C. R. (2015). History of nature nurture. *International encyclopedia of the social & behavioral sciences* (2nd ed.), 16. Oxford: Elsevier, 340–344.
- Binti Mansor, N. A. (2023). Sosialisasi pendidikan gender dalam keluarga menurut perspektif Islam: Socialization of gender education in family according to Islamic perspective. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 73-90.
- Crow, Lester D.& Crow, A.. (1962). *Child development and adjustment: A study of child psychology*. New York: Macmillan Company.
- Edwards, P. (1967). *The encyclopedia of philosophy* 2. New York: The Macmillan Company & The Free Press.
- Froese, K. (2008). Organic virtue: Reading Mencius with Rousseau. *Asian Philosophy*, 18 (1), 83-104.
- Galton, F. (1874). *English men of science; Their nature and nurture*. London: Macmillan and Co.
- Garrison, K. C. (1959). *Growth and development*. ISBN-10. New York: Longmans Green and Co.
- Gesell, A. (2007). *Studies in child development*. Read Books.
- Gianoutsos, J. (2006). Locke and Rousseau: Early childhood education. *The Pulse*, 4 (1).
- Hurlock, E. B. (1995). *Child development*. New York: McGraw-Hill.
- Ibn Khatir, Abu al-Fida' Isma'il. 2021. *Qasas al-Anbiya'*. Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid.
- Ibn al-Athir, Abu al-Sa'adah. 1979. *Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Tahqiq: Tahir Ahmad al-Razi. Beirut: al-Maktabah al-'Imiyyah.
- Ibn Kathir (1999). *Abu Fida' Isma'il. Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Tahqiq: Sami Muhammad. T.tmp: Dar al-Tayibbah.
- Ibn Manzur (1990), *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Imam Hanafi. (2018). Perkembangan manusia dalam tinjauan psikologi dan al-Quran. *Jurnal Pendidikan Islam*, 1 (01), 84-99.
- Jamaludin Mohd. Ali, Azizan Baharuddin & Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. (2017). Kritikan terhadap teori moral barat: Analisis ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi pertimbangan moral. *Jurnal Peradaban*, 10, 84-118.
- Kamus Dewan (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Locke, J. (1990). *Drafts for the essay concerning human understanding, and other philosophical writings*. London: Clarendon Press.
- Mansor, N. A. (2020). Perbezaan Sosialisasi Gender dalam Ruang Lingkup Budaya. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 1(1), 107-118.
- M. Ied Al Munir. (2004). Tinjauan terhadap metode empirisme dan rasionalisme. *Jurnal Filsafat*, 38 (3), 234-245.
- Meidawati Suswandari. (2017). Selayang pandang implikasi pendidik klasik. *Jurnal Komunikasi Pendidikan*, 1(1), 33 - 44.
- Morrison, G. S. (1995). *Early childhood education today*. New Jersey : Prentice Hall. Inc.
- Muhammad Fathurrohman. (2016). Pembawaan, keturunan dan lingkungan dalam perspektif Islam. *Kabilah, Journal of Social Community*, 1(2), 379 - 406.
- Muhammad Idris al-Marbawi (1990). *Kamus Al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Mustaqim. (2012). *Psikologi pendidikan*. Yogyakarta : Pustaka Pelajar .
- Noer Rohmah. (201). *Psikologi pendidikan*. Yogyakarta: Teras.
- Oktavia Wahyu Utami. (T.th). *Menikah Dengan Kaum Kerabat Dan Pengaruhnya Bagi Anak–Anak*. Universitas Muhamadiyah, Sukarta. H. 245-251.

- Rettew, D. (6 October, 2017). Nature versus nurture: Where we are in 2017. Retrieved from Psychology Today: <https://www.psychologytoday.com>
- Rozmi Ismail. (2011). Psikologi Sosial . Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robiatul Adawiyah Binti Mohd, et al. 2022. Perbahasan Ilmu Genetik Berdasarkan Sumber Al-Quran Dan Al-Sunnah: Suatu Tinjauan Awal. The 8th International Prophetic Conference. H. 437-444.
- Santrock, J. W. (2019). Adolescence (17th ed.). New York: McGraw-Hill Education.
- Schopenhauer, A. (1969). The world as will and representation II, E.F., Payne (ed). New York: Dover Publication.
- Siti Nadirah. (Disember 2013). Anak didik perspektif Nativisme, Empirisme dan Konvergensi. Lentera Pendidikan, 16 (2), 188-195.
- Stalnaker, A. (2006). Overcoming our evil: Human nature and spiritual exercises in Xunzi and Augustine. Washington: Georgetown University Press.